

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2012/2013

Januari 2013

**SPW204 - Teori dan Kaedah Sains Politik**

Masa: [3 jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Pilih dan jawab **TIGA [3]** soalan sahaja. Sila jawab setiap soalan dalam **buku jawapan yang berasingan**. Setiap soalan berjumlah 100 markah.

1. 'Manusia pada dasarnya tidak rasional'. Apakah yang dimaksudkan dengan kenyataan tersebut dan bagaimanakah pandangan ini dikaitkan dengan pemahaman kuasa politik? Pastikan perbincangan anda mengandungi contoh-contoh yang nyata.

(100 Markah)

2. Apakah peranan dan hubungan antara "konsep" dan "teori" dalam satu kajian penyelidikan? Aplikasikan huraian anda dengan contoh-contoh yang relevan berdasarkan bacaan-bacaan yang dibincang.

(100 Markah)

3. Dalam bidang Sains Politik rekabentuk kajian kes merupakan salah satu bentuk penyelidikan yang lazim digunakan. Apakah ciri-ciri umum penyelidikan yang berbentuk kajian kes? Bincangkan langkah-langkah utama yang perlu dalam penyelidikan kajian kes.

(100 Markah)

4. Anda telah diminta untuk membuat satu penyelidikan berkaitan isu politik dengan menggunakan pendekatan kualitatif. Lakarkan rencana penyelidikan anda. Bincangkan sifat-sifat rekabentuk penyelidikan kualitatif.

(100 Markah)

5. Sekiranya anda diminta untuk menjalankan satu kajian penyelidikan yang berbentuk tinjauan (survey) dan satu lagi berbentuk analisis kandungan (content analysis), terangkan dengan jelas bagaimana anda bercadang untuk menghasilkannya.

(100 Markah)

6. Dalam menganalisa dasar kerajaan Malaysia terhadap pelarian Vietnam, pengkaji menggunakan kerangka teori Barat yang telah diadaptasi mengikut konteks kajian. Terkandung di dalam kerangka ini lima konsep yang berperanan sebagai pembolehubah-pembolehubah tidak bersandar. Nyatakan secara terperinci konsep-konsep pembolehubah ini dan berikan sebab-sebab kenapa pembolehubah-pembolehubah ini penting dalam konteks kajian. Akhir sekali, jelaskan rasional penggunaan kerangka teori tersebut dalam kajian.

(100 Markah)